

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1992/93

April 1993

Rancangan Diploma Teknologi Makmal

DTM 202/2 - Fotografi

Masa : (2 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT SOALAN: DUA dari Bahagian A dan DUA dari Bahagian B. Kesemuanya wajib dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

Bahagian A

1. (a) Nyatakan dua kelebihan filem berkelajuan atau ber-ISO tinggi.
(2 markah)
- (b) Nyatakan dua kelebihan filem berkelajuan seperti ISO 32, ISO 64 atau ISO 100 jika dibandingkan dengan filem ISO 400.
(2 markah)
- (c) Jika dedahan dan kelajuan sater (shutter) pada tempat yang lapang, terbuka dan panas terik ialah f16/250 untuk dedahan normal, apakah bacaannya jika anda mengambil gambar pada tempat teduh seperti di bawah pokok pada cuaca yang serupa?
(2 markah)
- (d) Sebutkan 2 kegunaan penapis polarizer (polarizing filter).
(2 markah)
- (e) Lengkapkan di mana perlu:

Kelajuan Filem (ISO) (Film Speed)	Kelajuan Sater (Shutter Speed)	Dedahan f. (F. Stop)
100	60	8
(i) _____	adalah bersamaan 125	5.6
200	adalah bersamaan 250	(ii) _____
400	(iii) _____ dan,	(iv) _____

(4 markah)

- (f) Sebutkan 3 kelebihan kertas bersalut resin berbanding dengan kertas bersalut gentian.
(3 markah)
- (g) Sebutkan 2 kegunaan kad kelabu 18% (18% grey card).
(2 markah)
- (h) Bezakan peratus sudut-sudut pandangan bagi 3 daripada lensa berikut:
- (i) lensa sudut luas 35mm _____
 - (ii) lensa sudut normal 50mm _____
 - (iii) lensa mata ikan (fish-eye lens) _____
 - (iv) lensa telefoto 200mm _____
- (3 markah)
2. Katalah anda sendiri yang mengambil sesebuah gambar dan sendiri juga yang menangani peringkat-peringkat proses dan sebagainya. Siapnya gambar, bagaimanakah anda akan menilai karya anda sendiri?
(30 markah)

Bahagian B

3. Anda ditugaskan untuk mengambil sekumpulan gambar berbentuk slaid/sisipan di suatu pameran yang berlangsung di dalam sebuah dewan atau muzium. Pameran terdiri daripada tiga jenis peragaan:
- (a) gambar-gambar berfrem yang berkaca/bergelas,
 - (b) gambar-gambar dilekap tanpa kaca,
 - (c) gambarajah, grafik, nota dan data yang tertera pada permukaan kad yang putih atau hitam lagi kusam (tidak memantulkan cahaya).
- (i) Apakah persiapan anda untuk menangani projek tersebut dari segi menyediakan peralatan dan bahan yang akan dibawa?
 - (ii) Apakah pendekatan-pendekatan yang akan digunakan untuk mengambil gambar ketiga-tiga jenis peragaan tersebut?
- (25 markah)

4. Anda membuat liputan acara sukan jabatan anda. Acara tersebut mengandungi perasmian, perbarisan, acara-acara sukan dan lain-lain yang biasanya berhubungan dengan kegiatan sebegini.

Kumpulan gambar bersifat warna dan reflektif, atau foto biasa (bukan slaid), dan anda mempunyai 2 buah kamera dan 1 lampu denyar (flashlight). Menjangkakan bahawa cuaca mungkin bertukar dari cerah ke redup dan sebaliknya, apakah jenis-jenis filem yang akan disediakan? Nyatakan jenis-jenis syot yang anda jangka akan diambil dan pendekatan teknik yang akan dilaksanakan.

(25 markah)

5. Nyatakan gunanya kaki (tripod) untuk mengambil gambar. Nyatakan julat pendedahan yang terupaya dengan penggunaannya. Berikan dua contoh syot: pada penggunaan cepat dan selambat-lambatnya, dan sebutkan cara-cara mengendalikan syot yang anda kehendaki.

(25 markah)

6. Membuat prin atau cetakan besar memerlukan teknik dan peraturan-peraturan tertentu. Nyatakan langkah-langkah tersebut dari penggunaan alat pembesar hingga kepada proses penyucian dengan bahan kimia. Pada peringkat penyucian, nyatakan perbezaan proses di antara penggunaan kertas foto bersifat bes gentian dan yang bersifat salut resin.

(25 markah)